



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Muhammad Izuan Abdul Rahman, Muhamad Hasrul Zakariah & Azmi Arifin. (2025). Peranan pentadbir Melayu dalam sektor ekonomi Johor 1862-1914. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(7), 89-111. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.7>

PERANAN PENTADBIR MELAYU DALAM SEKTOR EKONOMI JOHOR 1862-1914

(The Role of Malay Administrators in the Johor Economic Sector 1862-1914)

¹Muhammad Izuan Abdul Rahman, ²Muhamad Hasrul Zakariah & ³Azmi Arifin

^{1,2&3}Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

¹Corresponding author: izuanrhmn@gmail.com

Received: 01/5/2025

Revised: 11/6/2025

Accepted: 21/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan pentadbir Melayu dalam sektor ekonomi negeri Johor dari tahun 1862 hingga 1914. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis peranan pentadbir Melayu dalam lapangan ekonomi Johor khususnya dalam sektor pertanian komersial dan perlombongan yang merupakan nadi ekonomi Johor. Kajian sedia ada sebelum ini banyak memfokuskan kepada golongan saudagar dan imigran Cina yang mendominasi sektor pertanian komersial dan perlombongan di negeri itu sementara peranan golongan pentadbir Melayu yang merupakan tunjang di sebalik kejayaan Johor dalam sektor ekonomi namun kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian ini akan memfokuskan penelitian semula terhadap peranan pentadbir Melayu ini khususnya dalam aspek tadbir urus ekonomi. Bersandarkan kepada sumber-sumber arkib seperti rekod pentadbiran negeri Johor dan rekod

surat-menyurat serta catatan peribadi pentadbir Melayu dan metodologi penyelidikan disiplin sejarah, kajian ini akan menganalisis secara kualitatif peranan golongan pentadbir Melayu Johor dalam sektor ekonomi di negeri itu. Dapatan kajian mendapati para pentadbir Melayu sememangnya mempunyai peranan yang signifikan dalam memacu kemajuan ekonomi Johor.

Kata kunci: Pentadbir Melayu, Johor moden, Tadbir urus, Ekonomi Komersial.

ABSTRACT

This study aims to examine the role of Malay administrators in the state of Johor's economic sector from 1862 to 1914. The primary objective of this research is to analyse the contributions of Malay administrators to Johor's economy, particularly in the commercial agriculture and mining sectors, which form the backbone of the state's economic development. Existing studies have predominantly focused on the roles of Chinese merchants and immigrants who dominated these sectors, thereby overlooking the contributions of Malay administrators, who were, in fact, pivotal to Johor's economic success. Therefore, this study seeks to re-evaluate the role of these administrators, with a specific focus on aspects of economic governance. Drawing on archival sources, including the administrative records of the state of Johor, official correspondence, and personal notes of Malay administrators, and employing historical research methodology, this study conducts a qualitative analysis of the role played by Malay administrators in Johor's economic sector. The findings indicate that Malay administrators indeed played a significant role in driving Johor's economic development.

Keywords: Malay Administrator, Modern Johor, Governance, Commercial Economy

PENGENALAN

Dalam konteks persejarahan ekonomi Johor, sarjana seperti Jackson (1965), Trocki (1979), Coope (1936), Turnbull (1959), dan Ichiro (2011) berpandangan bahawa ekonomi Johor dari tahun 1860-an hingga 1910-an banyak bergantung kepada orang Cina. Pandangan tersebut turut diakui oleh sarjana tempatan seperti Coroline Wong (1992), Ahmad Fawzi (1984), Khoo Khay Kim (1967), Khasim Thukiman (2001) dan Rahman Tang (2012). Perspektif sedemikian disebabkan oleh dominasi golongan saudagar dan imigran Cina dalam sektor ekonomi Johor khususnya dalam industri gambir lada dan perlombongan. Galakan pemerintah Johor terhadap kemasukan imigran Cina dari Singapura ke negeri itu sejak tahun 1840-an membolehkan mereka memonopoli industri penanaman gambir lada di negeri itu seterusnya memacu Johor muncul sebagai pengeluar utama gambir lada dunia sekitar tahun 1880-an (Khoo Kay Kim, 2001). Keadaan ini secara tidak langsung menenggelamkan watak dan peranan orang Melayu dalam sektor ekonomi di negeri itu.

Tidak dinafikan bahawa sektor pertanian komersial di negeri Johor sebelum kurun ke-20 misalnya industri gambir lada dipelopori dan didominasi oleh orang bukan Melayu khususnya etnik Cina. Begitu juga dengan tanaman komersial yang lain seperti getah, kelapa sawit dan

nanas yang merupakan antara sumber pendapatan utama Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Tanaman komoditi tersebut dipelopori dan didominasi oleh peladang-peladang Eropah, Cina dan Jepun (Ichiro, 2011). Namun begitu, hal ini tidaklah bererti orang Melayu tidak memainkan peranan yang signifikan dalam kegiatan ekonomi Johor. Dalam konteks perkembangan ekonomi Johor, peranan dan sumbangan orang Melayu dapat dilihat menerusi peranan yang dimainkan oleh golongan pentadbir Melayu. Hal ini kerana golongan pentadbir Melayulah merupakan tulang belakang yang bertanggungjawab menguruskan kegiatan ekonomi Johor agar berjalan lancar. Tidak hanya terlibat dalam aspek pengurusan semata-mata, para pentadbir Melayu turut berperanan dalam menyelaras pelaksanaan dan mengawal selia kegiatan ekonomi Johor serta merintis dan mengembangkan sektor ekonomi komersial di negeri itu. Merekalah yang bertanggungjawab memaju dan memesatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Dalam erti kata lain, pentadbir Melayu mempunyai peranan yang signifikan dalam sektor ekonomi Johor. Oleh yang demikian, makalah bertujuan menganalisis peranan pentadbir Melayu dalam memajukan sektor ekonomi Johor antara tahun 1862 hingga 1914.

Dalam pensejarahan Johor moden, aspek ekonomi merupakan bidang kajian yang sering kali menjadi tumpuan para pengkaji. Hal ini bertitik-tolak daripada kejayaan Johor muncul sebagai pengeluar utama dunia bagi komoditi gambir lada, nanas, pinang, kelapa, getah, dan kelapa sawit sewaktu era kegemilangannya. Antara kajian terawal mengenai perkembangan ekonomi Johor kajian yang dijalankan oleh Coope(1936) bertajuk “The Kangchu system in Johore”. Dalam kajiannya itu, Coope yang menjadikan gambir lada sebagai topik kajian merupakan pengkaji terawal yang mengkaji pelaksanaan sistem tersebut. Bahkan Coope juga merupakan individu yang menamakan mekanisme pengurusan kegiatan penanaman gambir lada di negeri Johor sebagai sistem *Kangchu*. Kajian ini kemudiannya dikembangkan oleh J.C Jackson (1965) yang menghuraikan peranan pekebun Cina dalam merintis kegiatan penanaman gambir dan lada baik di Johor mahupun di Singapura. Dalam pada itu, Trocki pula membincangkan transisi ekonomi Johor dari sebuah kerajaan maritim kepada agraria menerusi penglibatan dalam sektor penanaman gambir lada. Meskipun ada menyentuh mengenai perihal pentadbir Melayu, namun perbincangan tersebut hanya sepintas lalu sahaja.

Sama seperti Jackson, Trocki hanya memfokuskan kajian kepada komuniti Cina dalam perkembangan ekonomi dengan memetik nama tokoh-tokoh penting dalam industri gambir lada Johor seperti Tan Hiok Nee, Tan Kee Soon, Wong Ah Fook dan Seah Eu Chin. Dari aspek penggunaan sumber, baik Coope, Jackson mahupun Trocki menggunakan sumber pertama dalam sektor ekonomi Johor iaitu Surat Keterangan Membuka Kebun (SKMK). Namun, rekod surat-menyurat antara sesama pentadbir Melayu seperti mana terkandung dalam Salinan Surat-surat Dato’ Menteri (SSDM) kurang diberikan perhatian. Hal ini secara tidak langsung menenggelamkan watak golongan pentadbir Melayu. Kajian-kajian ini kemudiannya dikembangkan oleh pengkaji tempatan seperti Coroline Wong (1992), Ahmad Fawzi (1984) Khoo Khay Kim (1967), Khasim Thukiman (2001) dan Rahman Tang (2012). Coroline Wong dan Fawzi Basri cenderung memfokuskan terhadap aspek pentadbiran ekonomi manakala Khasim Thukiman pula mengkaji mengenai pelaksanaan Undang-undang Kangchu. Sementara itu, berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini, Ichiro memfokuskan kajiannya terhadap peranan pentadbir British dalam sektor ekonomi Johor.

SOROTAN LITERATUR

Dalam pensejarahan Johor moden, aspek ekonomi merupakan bidang kajian yang sering kali menjadi tumpuan para pengkaji. Hal ini bertitik-tolak daripada kejayaan Johor muncul sebagai pengeluar utama dunia bagi komoditi gambir lada, nanas, pinang, kelapa, getah, dan kelapa sawit sewaktu era kegemilangannya. Antara kajian terawal mengenai perkembangan ekonomi Johor kajian yang dijalankan oleh Coope(1936) bertajuk “The Kangchu system in Johore”. Dalam kajiannya itu, Coope yang menjadikan gambir lada sebagai topik kajian merupakan pengkaji terawal yang mengkaji pelaksanaan sistem tersebut. Bahkan Coope juga merupakan individu yang menamakan mekanisme pengurusan kegiatan penanaman gambir lada di negeri Johor sebagai sistem *Kangchu*. Kajian ini kemudiannya dikembangkan oleh J.C Jackson (1965) yang menghuraikan peranan pekebun Cina dalam merintis kegiatan penanaman gambir dan lada baik di Johor mahupun di Singapura. Dalam pada itu, Trocki pula membincangkan transisi ekonomi Johor dari sebuah kerajaan maritim kepada agraria menerusi penglibatan dalam sektor penanaman gambir lada. Meskipun ada menyentuh mengenai perihal pentadbir Melayu, namun perbincangan tersebut hanya sepintas lalu sahaja.

Sama seperti Jackson, Trocki hanya memfokuskan kajian kepada komuniti Cina dalam perkembangan ekonomi dengan memetik nama tokoh-tokoh penting dalam industri gambir lada Johor seperti Tan Hiok Nee, Tan Kee Soon, Wong Ah Fook dan Seah Eu Chin. Dari aspek penggunaan sumber, baik Coope, Jackson mahupun Trocki menggunakan sumber pertama dalam sektor ekonomi Johor iaitu Surat Keterangan Membuka Kebun (SKMK). Namun, rekod surat-menyurat antara sesama pentadbir Melayu seperti mana terkandung dalam Salinan Surat-surat Dato’ Menteri (SSDM) kurang diberikan perhatian. Hal ini secara tidak langsung menenggelamkan watak golongan pentadbir Melayu. Kajian-kajian ini kemudiannya dikembangkan oleh pengkaji tempatan seperti Coroline Wong (1992), Ahmad Fawzi (1984) Khoo Khay Kim (1967), Khasim Thukiman (2001) dan Rahman Tang (2012). Coroline Wong dan Fawzi Basri cenderung memfokuskan terhadap aspek pentadbiran ekonomi manakala Khasim Thukiman pula mengkaji mengenai pelaksanaan Undang-undang Kangchu. Sementara itu, berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini, Ichiro memfokuskan kajiannya terhadap peranan pentadbir British dalam sektor ekonomi Johor.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi penyelidikan sejarah (*history metodological research*) berasaskan kaedah analisis kualitatif menerusi analisis kandungan secara tematik terhadap sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada dokumen rasmi kerajaan Johor seperti Salinan Surat-surat Dato’ Menteri (SSDM), Surat Keterangan Membuka Kebun (SKMK) dan Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan, undang-undang negeri, catatan peribadi tokoh pentadbir seperti *Tawarikh Dato’ Bentara Luar Muhammad Salleh bin Perang* dan *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, serta laporan kolonial British. Sumber sekunder merangkumi karya-karya yang berutoritatif oleh sarjana terdahulu tentang sejarah ekonomi dan pentadbiran Johor. Pemilihan tempoh 1862 hingga 1914 dibuat berdasarkan dua peristiwa penting dalam sejarah negeri ini, iaitu permulaan pemerintahan Sultan Abu Bakar dan berakhirnya kuasa mutlak pentadbiran tempatan selepas campur tangan langsung British. Semua sumber ini dianalisis bagi mengenal pasti tema dan peranan pentadbir Melayu dalam pelaksanaan dasar dan pembangunan ekonomi negeri.

EKONOMI JOHOR SEWAKTU PEMERINTAHAN TEMENGGUNG IBRAHIM 1825-1862

Perpecahan kesultanan Johor-Riau Lingga pada kurun ke-18 akibat konflik politik Melayu-Bugis serta campur tangan asing seperti British dan Belanda telah membawa kepada kelahiran kerajaan Johor moden yang diterajui oleh dinasti Temenggung (Winstedt, 1979). Di bawah kepimpinan Temenggung Ibrahim (m.m 1825-1862) yang berpusat di Teluk Belanga, keluarga Temenggung berjaya mengukuhkan status politik mereka sehingga muncul sebagai pemerintah ‘*de facto*’ Johor. Sebagai sebuah entiti politik baharu, Temenggung Ibrahim giat meneroka potensi ekonomi di Singapura dan tanah besar Johor. Meskipun diperuntukkan elaun sara hidup oleh pentadbiran British di Singapura, pemerintah Johor itu enggan bergantung sepenuhnya pada elaun bulanan tersebut. Sebaliknya, Temenggung Ibrahim dan para pengikutnya aktif melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi di Singapura. Dalam hal ini, pengikut-pengikutnya dihantar ke tanah besar Johor untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan memungut hasil hutan seperti damar, rotan serta gaharu untuk dipasarkan di Singapura.

Perkembangan ekonomi Johor ketika era pemerintahan Temenggung Ibrahim dapat ditelusuri menerusi penelitian terhadap sumber autobiografi tempatan misalnya *Tawarikh Dato’ Bentara Luar* karangan Muhammad Salleh bin Perang. Rakaman pengalaman hidup sebagai anak kepada salah seorang pengikut rapat Temenggung Ibrahim memberikan gambaran awal terhadap suasana ekonomi dan struktur sosial masyarakat Johor ketika itu. Dalam autobiografinya itu, Dato’ Bentara Luar mencatatkan:

“Shahdan datanglah kepada umur saya tujuh tahun waktu itu tersangatlah sengsara kehidupan ibu saya hendak mencari rezeki kerana Almarhum Ibrahim itupun dengan miskin dan negeri Johor belum terbuka hanyalah Almarhum itu dapat makan daripada gaji government Inggeris itu padahal hamba sahayanya bukan sedikit, jadi Almarhum itupun memberi ayuman akan orang-orang Jakun serta setengah hamba sahayanya itu suruhlah masuk ke dalam hutan-hutan Johor itu mengambil rotan dan gaharu dan sebagainya isi hutan ...”

(Muhammad Haji Alias, 1958, p. 59-60)

Namun begitu, landskap ekonomi Johor mula berubah setelah penelitian Dr. Montgomerie berjaya membuktikan keberkesanan getah perca sebagai penebat elektrik terbaik serta kesesuaiannya untuk dijadikan pembalut kabel elektrik dasar laut. Penemuan saintifik tersebut menjadikan getah perca sebagai komponen penting dalam sektor perindustrian di Eropah seterusnya telah melonjakkan permintaan komoditi tersebut di pasaran dunia (Timothy Pwee, 2007). Perkembangan ini mendorong Temenggung Ibrahim untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengeluaran getah perca yang banyak terdapat di tanah besar Johor (Wake, 1966). Lambakan pokok getah perca yang tumbuh merata di kawasan hutan sekitar tanah besar Johor dimanfaatkan untuk menjana sumber ekonomi negeri. Suku Orang Asli seperti orang Sabimba, Orang Biduanda Kallang dan Orang Benua yang sebelum ini dihantar mendiami kawasan hutan di tanah besar Johor bagi menjalankan kerja memungut hasil hutan mula dikerah untuk memungut getah perca di bawah seliaan beberapa orang pengikut setia Temenggung Ibrahim (Wake, 1966).

Bagi mengoptimalkan hasil pendapatan negeri, pemerintah Johor itu bertindak memonopoli sektor pengeluaran getah perca di Kepulauan Melayu ketika itu. Semua getah perca yang dibawa ke Singapura dilarang sama sekali dijual kepada pihak lain selain Temenggung Ibrahim. Orang Laut yang mendiami kawasan pesisir pantai Johor telah ditempatkan di perairan Johor bagi menjalankan pemeriksaan ke atas perahu dan sampan-sampan yang melalui perairan Johor untuk memastikan komoditi tersebut tidak diseludup dan dijual kepada pihak lain selain Temenggung Ibrahim. Di Singapura, ejen perniagaan keluarga Temenggung iaitu Ker, Rawson and Co. dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kerja-kerja mengeksport dan memasarkan getah perca di Eropah. J.R Logan yang sempat melawat Johor sewaktu era kemuncak pengeluaran getah perca di negeri itu sekitar pertengahan kurun ke-19 dalam catatannya menganggarkan kira-kira 700,000 batang pokok getah perca telah ditarah di hutan-hutan seluruh Johor dalam tempoh 1840-an hingga 1850-an bagi memenuhi permintaan pasaran (Logan, 1848).

Pengeluaran getah perca dalam skala besar-besaran tanpa kawalan akhirnya membawa kepada kepupusan spesies tumbuhan tersebut di negeri Johor. Situasi ini mendorong kerajaan Johor mencari alternatif untuk menjana ekonomi negeri. Seterusnya, hasil galakkan penasihat Eropah yang juga merupakan agen perniagaannya iaitu William Wemyss Ker, Temenggung Ibrahim mula menceburkan diri dalam aktiviti pertanian komersial (Wright & Cartwright, 1908). Bertindak mengikut saranan agen perniagaannya yang juga merupakan pemilik syarikat Peterson, Simon & Co., Temenggung Ibrahim memanfaatkan kesuburan tanah dan kesesuaian iklim di negeri Johor untuk mengusahakan kegiatan pertanian komersial secara intensif dengan meneroka potensi dalam sektor penanaman gambir lada. Hal ini kemudiannya mengubah struktur ekonomi Johor daripada sebuah kerajaan berasaskan maritim kepada kerajaan agraria (Trocki, 1979).

Antara pendekatan yang digunakan oleh kerajaan Johor sewaktu meneroka potensi dalam sektor penanaman gambir lada, adalah menggalakkan kemasukan imigran Cina untuk mengusahakan komoditi tersebut. Sejak tahun 1840-an, beberapa konsesi telah diberikan kepada pekebun Cina untuk membuka ladang bagi mengusahakan tanaman gambir lada (Turnbull, 1959). Pekebun-pekebun Cina yang sebelum ini menjalankan aktiviti penanaman buah pala dan gambir di Singapura mula berpindah masuk ke negeri Johor untuk mengusahakan tanaman komersial tersebut secara intensif. Pada masa yang sama, Temenggung Ibrahim sendiri turut mengambil inisiatif menjalankan projek rintis penanaman gambir lada. Pengikut-pengikut Temenggung berbangsa Cina yang sebelum ini bertanggungjawab mengusahakan ladang-ladang gambir milik keluarga Temenggung di Singapura telah diarahkan merintis projek percubaan penanaman gambir lada di Tasik Biru, Pasir Gudang.

Selang beberapa tahun kemudian, projek rintis dan ladang-ladang gambir yang dijalankan secara percubaan oleh pekebun Cina mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kejayaan ini membuktikan kesesuaian tanah dan iklim Johor untuk menjalankan kegiatan penanaman gambir lada. Perkembangan ini bukan sahaja menarik minat tetapi turut memberi keyakinan kepada golongan saudagar Cina di Singapura untuk melabur dalam industri gambir lada di negeri Johor. Justeru, tidak hairanlah tempoh dari tahun 1840-an hingga 1870-an menyaksikan kemasukan besar-besaran pekebun Cina dari Singapura ke negeri Johor untuk mengusahakan tanaman gambir lada (Fawzi, 1884). Perlu dijelaskan juga dalam perbincangan ini bahawa penghijrahan beramai-ramai imigran Cina ke negeri Johor turut didorong oleh

beberapa masalah domestik di Singapura seperti masalah ketidaksuburan tanah dan pergaduhan kongsi gelap (Turnbull, 1959).

PERKEMBANGAN SEKTOR EKONOMI JOHOR SEWAKTU ERA PEMERINTAHAN SULTAN ABU BAKAR 1862-1895

Tidak seperti negeri-negeri Melayu lain yang kaya dengan hasil bumi seperti emas dan bijih timah yang boleh dieksport untuk menjana pendapatan, Johor tidak memiliki kekayaan sumber alam yang sedemikian (Skinner, 1884). Hal ini memerlukan pemerintah Johor mengoptimalkan segala bentuk sumber semula jadi yang sedia ada dalam usaha untuk membangunkan ekonomi negeri. Oleh yang demikian, di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar (m.m. 1862-1895), landskap fizikal Johor telah mengalami perubahan drastik. Hutan tebal yang sebelum ini meliputi sebahagian besar negeri itu mula dibangunkan sebagai kawasan penempatan yang giat dengan pelbagai aktiviti ekonomi. Tidak hanya memfokuskan kepada industri utama iaitu kegiatan penanaman gambir lada sebagai sumber ekonomi negeri, kerajaan Johor mula mendiversifikasi hasil pertanian negeri dengan menceburi sektor pertanian komersial lain seperti penanaman kopi, teh, sagu, pinang, tebu, nanas dan ubi (Wake, 1966). Sebagai percubaan, beberapa siri projek rintis untuk tanaman ini dijalankan di kawasan Gunung Pulai sekitar tahun 1870-an.

Bagi merencanakan perkembangan sektor pertanian komersial di negeri itu, kerajaan Johor menerusi pentadbir Melayu mengambil inisiatif membawa masuk kepakaran luar untuk mengkaji kesesuaian tanah dan iklim negeri bagi tujuan penanaman tanaman komersial seperti kopi, teh dan koko. Beberapa orang kaki tangan ikhtisas dari Eropah seperti T.H. Hill, E.A Watson dan W.M Buchan diserap masuk ke dalam portfolio kejuruteraan dan pertanian negeri pada tahun 1878. Selain itu, Menteri Besar Johor, iaitu Dato' Jaafar Muhammad telah melantik seorang jurutera saliran dari England iaitu Encik Walter F. Gerland yang berpengalaman dalam sektor penanaman kopi dan teh di Sri Lanka untuk menjayakan projek rintis tanaman komersial tersebut (Wake, 1966). Matlamat utama di sebalik langkah proaktif ini adalah untuk menarik minat para pemain industri dalam sektor penanaman kopi dan teh di Sri Lanka yang sedang menghadapi masalah kesuburan tanah pada waktu itu supaya beralih ke negeri Johor. Oleh sebab itu tidak hairanlah sekitar penghujung tahun 1870-an hingga awal tahun 1880-an, kerajaan Johor giat menjemput para pemain industri dalam sektor kopi dan teh untuk mengadakan lawatan tapak bagi meninjau potensi pelaburan di negeri itu. (*Straits Times Overland Journal*, 12 November 1881). Selain itu, beberapa artikel mengenai kesesuaian kesesuaian tanah, iklim dan bentuk muka bumi negeri Johor untuk menjalankan aktiviti penanaman kopi dan teh turut disiarkan dalam akhbar berpengaruh di Sri Lanka seperti *Ceylon Times* dan *The Ceylon Observer*.

Sementara itu dalam sektor perlombongan pula, bermula awal tahun 1870-an lagi kerajaan Johor telah membuka peluang kepada mana-mana pelabur yang berminat menjalankan kegiatan perlombongan di negeri itu untuk menjalankan kerja-kerja eksplorasi hasil bumi. Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perlombongan, kerajaan Johor telah melonggarkan syarat pengeluaran pas sementara bagi tujuan penerokaan awal cari gali sumber galian di negeri itu. Mana-mana pihak yang berminat untuk melabur dalam sektor cari gali di negeri itu akan diberikan pas sementara untuk menjalankan kerja-kerja penerokaan awal hasil bumi. Pihak yang berjaya mengenal pasti kawasan perlombongan akan diberi lesen dan konsesi

untuk mengusahakan kegiatan perlombongan dengan syarat mereka mempunyai kepakaran teknologi dan sumber kewangan yang kukuh.

Dalam konteks Johor, sektor perlombongan dipelopori oleh saudagar-saudagar Cina dari Melaka dan Singapura yang mendapat konsesi cari gali daripada kerajaan Johor. Pada masa yang sama, terdapat juga beberapa orang pemodal Eropah serta perusahaan Jepun yang turut melabur dalam sektor cari gali dan perlombongan di negeri Johor (Ichiro, 2011). Meskipun tidak serancak negeri-negeri Melayu yang lain, sektor perlombongan tetap menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Berdasarkan penelitian terhadap laporan akhbar sezaman, beberapa lokasi perlombongan seperti di Batu Pahat, Padang (kini dikenali sebagai Parit Jawa), Sungai Seluang dan Sedili disifatkan “... *the most profitable of all the mining places in the Straits and places contiguous to it*” (Singapore Daily Times, 13 Mei 1874).

PERANAN PENTADBIR MELAYU JOHOR DALAM SEKTOR EKONOMI

Kejayaan Johor dalam industri pertanian komersial dan perlombongan sehingga berjaya muncul sebagai pengeluar gambir lada terbesar dunia pada tahun 1886 merupakan hasil kecekapan pentadbir Melayu di negeri itu menguruskan perjalanan sektor pertanian komersial dan perlombongan dengan efektif. Meskipun sektor ekonomi Johor ketika itu didominasi dan dimonopoli oleh etnik Cina, hal ini tidak bermakna pentadbir Melayu tidak peranan yang signifikan dalam proses pembangunan ekonomi negeri. Meskipun tidak terlibat secara langsung dalam Melayu dalam kegiatan perlombongan dan aktiviti pertanian komersial di negeri itu, pentadbir Melayu tetap memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi khususnya dalam aspek pentadbiran di peringkat belakang tabir.

Pentadbir Melayu terdiri daripada kerabat terdekat Sultan Abu Bakar dan pengikut setia keluarga Temenggung seperti Ungku Abdul Rahman, Ungku Ahmad, Ungku Abdul Majid, Ungku Muhammad Khalid, Ungku Sulaiman, Dato’ Muhammad Ibrahim Munshi, Dato’ Mohammad Salleh bin Perang, Encik Mohammad Dapat dan Dato’ Abdul Rahman bin Andak merupakan watak penting disebalik kejayaan Johor dalam sektor pertanian komersial dan perlombongan. Penglibatan serta peranan mereka dalam merangka perundangan, menetapkan garis panduan pelaksanaan dan mengawal selia perjalanan sektor ekonomi Johor secara sistematik membolehkan kegiatan ekonomi berjalan dengan lancar dan berkembang pesat.

Peri pentingnya peranan pentadbir Melayu dalam lapangan ekonomi Johor dilihat sejak awal pembukaan negeri itu sekitar tahun 1850-an. Dalam hal ini, Ungku Ahmad dan Encik Mohammad Dapat yang mempunyai latar belakang dalam bidang ketenteraan telah dihantar ke Johor untuk membuka dan mentadbir pusat pentadbiran negeri di Tanjung Puteri (Ahmad Fawzi Basri & Hasrom Haron, 1978). Sebagai wakil pentadbir bagi pihak kerajaan, tugas utama mereka pada waktu itu ialah mengawal selia kegiatan penanaman gambir lada serta memelihara keamanan. Di samping itu, Ungku Ahmad dan Encik Mohammad Dapat turut ditugaskan untuk menyelia projek pembinaan bangunan kerajaan seperti gudang, penjara dan pejabat kerajaan. Selaras dengan perkembangan industri gambir lada, kerajaan Johor giat membina kemudahan asas seperti bangunan pentadbiran dan menempatkan lebih ramai pentadbir Melayu berkhidmat di Tanjung Puteri (Muhammad Said Sulaiman, 1930).

Pentadbir Melayu yang sebelum ini ditugaskan mengawal perairan Johor bagi memastikan industri getah perca dimonopoli sepenuhnya oleh Temenggung Ibrahim seperti Dato' Penggawa Barat Abdul Samad Ibrahim dan Dato' Penggawa Timur Nong Yahya, kini mula menyesuaikan diri dengan aktiviti ekonomi baharu iaitu kegiatan pengeluaran gambir lada (Haryati Hassan et al., 2023). Dalam hal ini, golongan pentadbir Melayu yang terlibat bertindak mengadaptasi pengalaman dan cara kerja sewaktu menjalankan kerja-kerja memonopoli industri getah perca ke dalam sektor penanaman gambir lada.

Jika sebelum ini skop tugas mereka mengawal kawasan darat dan perairan Johor yang bersempadan dengan Singapura bagi mencegah kegiatan penyeludupan getah perca. Kini, di dalam sektor pengeluaran gambir lada para pentadbir Melayu mengubah bidang tugas mereka kepada kerja-kerja mengawal selia urusan domestik gambir lada yang hendak dieksport ke Singapura. Antara bidang tugas mereka adalah menjalankan pemeriksaan terhadap tongkang, perahu, pukut, dan sampan yang melalui perairan Johor bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan serta prosedur pengeluaran gambir dan lada yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan serta membanteras kegiatan penyeludupan. Sebagai pihak yang dipertanggungjawabkan menjaga sempadan dan mengawasi kawasan perairan Johor, pentadbir Melayu seperti Dato' Penggawa Barat Abdul Samad Ibrahim dan Dato' Penggawa Timur Nong Yahya perlu memastikan barangan kawalan seperti arak dan candu yang merupakan antara sumber utama pendapatan negeri, hanya dibawa masuk oleh pengimport berlesen yang dilantik oleh kerajaan sahaja. Hal ini bertujuan mengelakkan berlakunya ketirisan hasil pendapatan negeri.

Penyertaan golongan pentadbir Melayu dalam tadbir urus industri gambir lada menandakan berakhirnya penglibatan dan peranan kongsi gelap Cina yang sebelum ini bertanggungjawab mengendalikan kegiatan penanaman gambir lada di negeri Johor (Trocki, 1979). Desakan daripada pentadbiran British di Singapura serta kekacauan yang timbul di beberapa buah negeri Melayu akibat pergaduhan kongsi gelap telah mendorong kerajaan Johor secara beransur-ansur mengurangkan kebergantungan mereka kepada kongsi gelap serta menghadkan kuasa dan pengaruh ketua-ketua persatuan *Ngee Heng* (Lim Pui Huen, 2001). Menjelang tahun 1860, hanya pemodal yang tidak mempunyai hubungan dengan aktiviti kongsi gelap sahaja diberikan konsesi pajakan untuk mengusahakan tanaman gambir lada di negeri Johor (Caroline, 1992). Pada masa yang sama, kontinjen polis yang diketuai oleh pentadbir Melayu telah ditubuhkan untuk mengambil alih tanggungjawab memelihara keamanan dan ketenteraman awam di Johor (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930).

Sebelum membincangkan lebih lanjut mengenai peranan pentadbir Melayu dalam sektor ekonomi Johor, perlu dijelaskan terlebih dahulu bahawa pada awal era pemerintahannya, Sultan Abu Bakar lebih cenderung menitikberatkan aspek kedudukan politiknya serta menyusun atur struktur pentadbiran negeri dalam rangka untuk memodenkan Johor. Oleh sebab itu, tidak hairanlah pada peringkat awal pemerintahannya perintah Johor itu dilihat tidak menang tangan menguruskan hal ehwal luar Johor khususnya urusan yang melibatkan pentadbiran British di Singapura (Ahmad Fawzi Basri, 1972). Malahan, tidak lama selepas mengambil alih tampuk pemerintahan Johor, Sultan Abu Bakar dengan diiringi Menteri Besar iaitu Dato' Jaafar Mohammad berangkat ke Eropah untuk mengadakan lawatan kerja di England (A. Rahman Tang Abdullah, 2011). Maka dalam hal ini, para pentadbir Melayulah yang bertanggungjawab menguruskan perjalanan pentadbiran negeri.

Oleh yang demikian, urusan berkaitan dengan hal ehwal ekonomi Johor diserahkan kepada pentadbir Melayu yang terdiri daripada kerabat terdekat baginda seperti Ungku Abdul Rahman, Ungku Abdul Majid, Ungku Abdullah dan Ungku Muhammad Khalid. Sepanjang ketiadaan Sultan Abu Bakar, segala urusan pentadbiran negeri khususnya berkaitan dengan kegiatan ekonomi Johor dikendalikan sepenuhnya oleh kerabat terdekat baginda yang dibantu oleh barisan pentadbir Melayu.

Mentadbir Urus Hal Ehwal Ekonomi Komersial

Perbincangan tentang kejayaan Johor dalam sektor pertanian komersial sehingga tahun 1917 tidak lengkap tanpa mengupas aspek pelaksanaan '*Sistem Kangchu*' yang merupakan tonggak keberhasilan Johor dalam industri gambir dan lada. '*Sistem Kangchu*' merupakan mekanisme pentadbiran yang diterapkan oleh pentadbir Melayu Johor sewaktu mengurus industri industri gambir lada dan mengelola hal ehwal orang Cina di negeri itu dari tahun 1848 hingga 1917 (Ahmad Fawzi Basri, 1974). Dari segi literal, '*Kangchu*' dalam bahasa Cina bermaksud '*Tuan Sungai*'. Namun, dalam konteks industri gambir lada di negeri Johor, '*Kangchu*' merujuk kepada penerima konsesi yang diberi kuasa oleh kerajaan Johor untuk membuka dan menjalankan kegiatan pertanian gambir dan lada di sepanjang jajaran sungai di negeri itu serta mentadbir masyarakat Cina yang menetap di kawasan tersebut (Coope, 1936). '*Kangchu*' atau '*Tuan Sungai*' selaku ketua '*Kangkar*' iaitu bertanggungjawab mengurus tadbir aktiviti ekonomi di kawasan konsesi mereka bagi pihak kerajaan. Di samping menjalankan fungsi ekonomi, '*Kangchu*' turut diberi autonomi untuk mengelola hal ehwal sosial komuniti Cina seperti menyelesaikan sebarang pertikaian sesama buruh, menjaga keamanan dan ketenteraman awam, serta melaksana dan menguatkuasakan peraturan yang bersesuaian dengan kepentingan komuniti.

Menerusi pelaksanaan '*Sistem Kangchu*' ini, pentadbir Melayu dilihat mengadaptasi tatacara pentadbiran Belanda di Riau yang memberikan autonomi kepada etnik Cina untuk mengelola hal ehwal mereka sendiri. Menerusi mekanisme ini, pentadbir Melayu tidak perlu terlibat secara langsung dalam pengurusan hal ehwal dalaman komuniti Cina. Sebaliknya, peranan mereka lebih tertumpu kepada aspek penyelarasan dan kawal selia bagi memastikan kelancaran urusan pentadbiran serta kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh para pengusaha Cina di negeri Johor.

Dalam konteks industri gambir lada di negeri Johor, proses penyelarasan dan kawal selia bermula sejak peringkat awal aktiviti ekonomi iaitu sewaktu pengeluaran '*Surat Sungai*'. '*Surat Sungai*' merupakan simbolik pengurniaan tauliah oleh kerajaan Johor kepada '*Tuan Sungai*' atau '*Kangchu*' untuk membuka dan mengusahakan penanaman gambir di bahagian sungai yang diperuntukkan kepada mereka (SKMK: Sungai Keterangan Membuka Kebun). Selain sebagai dokumen rasmi yang mengabsahkan autonomi '*Tuan Sungai*' untuk mentadbir kawasan konsesi mereka, *Surat Sungai* juga merupakan dokumen asas yang digunakan oleh pentadbir Melayu untuk mengikat semua pihak yang terlibat dalam industri gambir lada di negeri itu dengan garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Sebagai dokumen rasmi yang menjadi asas pelaksanaan '*Sistem Kangchu*', *Surat Sungai* tidak hanya mengandungi maklumat mengenai status pemilikan konsesi serta butiran persempadanan tanah. Sebaliknya, turut mengandungi segala butiran yang perlu dipatuhi dan

dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat dalam industri gambir lada baik ‘*Kangchu*’, pekebun, buruh-buruh Cina mahupun golongan pemodal. Begitu juga dengan sektor perlombongan, pemegang konsesi tertakluk dengan garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan Johor seperti yang terkandung dalam dokumen perjanjian yang dimeterai antara mereka dengan kerajaan Johor. Hal ini menuntut mereka mengelola hal ehwal buruh dengan baik, memastikan ketenteraman awam serta merujuk sebarang perselisihan dan perkara berbangkit dengan pihak berkuasa. Menerusi pendekatan ini, pentadbir Melayu bukan sahaja dapat mengelola sektor ekonomi komersial Johor lada dengan lebih cekap dan efisien, tetapi pada masa yang sama mencegah sebarang kebarangkalian tercetusnya konflik dan pergaduhan kongsi gelap akibat perebutan kawasan pertanian dan perlombongan seperti yang berlaku di negeri-negeri Melayu yang lain.

Selaras dengan perkembangan pesat industri gambir lada serta pertambahan bilangan imigran Cina, sistem *Kangchu* telah ditambah baik menerusi pengenalan dan penguatkuasaan beberapa set undang-undang seperti *Undang-undang Memasukkan Nama Ke dalam Daftar 1865*, *Undang-undang Pengukuhan Undang-undang Memasukkan Nama Dalam Daftar 1866*, *Undang-undang Mencegah Gambir Yang Tidak Baik 1867* dan *Undang-undang Kesejahteraan Hak Kerana Gambir Lada 1867* (Kassim Thukiman, 2005). Undang-undang ini kemudiannya dikemas kini dan dirangkum menjadi *Kanun Kangchu 1873* yang merupakan kunci kejayaan para pentadbir Melayu Johor dalam mengelola hal ehwal orang Cina dan mengurus aktiviti penanaman gambir lada sehingga Johor muncul sebagai pengeluar utama dunia pada tahun 1887.

Penglibatan beberapa orang pentadbir Melayu Johor seperti Dato’ Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munshi dan Ungku Muhammad Khalid membantu pentadbiran British di Singapura menyelesaikan perang saudara dan pergaduhan kongsi gelap di Perak, Selangor dan Sungai Ujong memberi kesedaran kepada mereka mengenai tentang pentingnya mengurus dan mengawal-selia hal ehwal orang Cina dengan baik bagi mencegah sebarang kekacauan. Oleh sebab itu, para pentadbir Melayu cenderung untuk mengambil langkah proaktif untuk mengekang gejala tersebut dengan menerapkan beberapa pendekatan yang diguna pakai oleh pentadbiran British di Singapura dalam mengurus hal ehwal orang-orang Cina ke dalam aspek pentadbiran ekonomi Johor.

Selain menubuhkan portfolio *Chinese Protector Society* untuk menjaga kebajikan imigran Cina seperti mana yang terdapat di Singapura. Pentadbir Melayu Johor turut mengambil langkah imperatif dengan memasukkan beberapa klausa berkaitan aktiviti kongsi gelap dalam *Kanun Kangchu 1873* untuk mencegah sebarang kekacauan akibat kegiatan kongsi gelap Cina. Hal ini dapat dilihat menerusi fasal ke-13 *Kanun Kangchu 1873* yang melarang kewujudan persatuan, kumpulan atau kongsi selain daripada kumpulan *Ngee Hin* di negeri Johor (J/PU: Undang-undang Kangchu Tahun 1873). Tindakan pentadbir Melayu memasukkan klausa ini bertujuan untuk mengelakkan persaingan dan perseteruan antara kongsi-kongsi gelap Cina yang berpotensi menimbulkan kekacauan seperti mana yang berlaku di Singapura dan negeri-negeri Melayu lain.

Selain itu, dalam rangka mencegah sebarang kekacauan serta memastikan ketenteraman awam terjamin, pentadbir Melayu menerusi fasal ke-28 *Kanun Kangchu 1873* mewajibkan ‘*Kangchu*’ atau ‘*Tuan Sungai*’ supaya melaksanakan langkah sewajarnya untuk mencegah dan

membendung sebarang kegiatan jenayah di kawasan ‘*Kangkar*’ mereka dengan melaporkan setiap kesalahan jenayah kepada pihak berkuasa untuk tindakan undang-undang.

“Apakala ada sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang terlebih jahat iaitu seperti bunuh-membunuh atau tikam menikam dan rompak merompak dan samun menyamun yang berlaku di dalam perintah *Kangchu* maka wajiblah atas *Kangchu* memeriksa dan menyiasat dengan terang serta menuliskan ke dalam daftarnya apa-apa fasalnya sebab jadi perkara-perkara yang tersebut serta hendaklah dituliskan ka-dalam daftarnya nama-nama mereka yang melakukan pekerjaan itu serta nama segala saksi-saksinya yang boleh menerangkan perkara2 itu. Maka apakala sudah bersedia waktu itu tiadalah boleh sekali-sekali *Kangchu* melalaikan perkara-perkara itu lebih daripada enam jam hendaklah dengan segeranya dihantarkan serta mereka-mereka melakukan pekerjaan itu dan saksi-saksinya ke polis Johor”

(J/PU: *Undang-undang Kangchu Tahun 1873*)

Di samping itu, pihak ‘*Kangchu*’ atau ‘*Tuan Sungai*’ diwajibkan memberi kerjasama kepada pihak polis dalam menguatkuasakan peraturan dan undang-undang serta membanteras kegiatan jenayah. Hal ini selaras dengan ketetapan yang dimaktubkan oleh pentadbir Melayu Johor dalam fasal ke-23 *Undang-undang Kangchu Tahun 1873* iaitu:

“Sebarang orang yang mendapat waran dari Polis Johor akan menangkap sesiapa yang ada di dalam pembahagian sungai bagi *Kangchu* hendaklah ia menunjukkan di mana ada mereka itu demikian jua kebun yang dikehendaki oleh notis demikian jua orang2 yang dikehendaki oleh saman demikian jua orang yang dikehendaki oleh sepina atau sebagainya dari polis Johor”

(J/PU: *Undang-undang Kangchu Tahun 1873*)

Berdasarkan penelitian terhadap dokumen-dokumen pentadbiran negeri serta catatan peribadi para pentadbir Melayu Johor, peranan pentadbir Melayu dalam aspek ekonomi lebih menjurus kepada aspek perundangan. Dalam hal ini, pentadbir Melayu bertanggungjawab merangka dan mengkodifikasikan undang-undang bagi memastikan aktiviti pertanian komersial dan perlombongan dapat dijalankan secara licin dan teratur. Hal ini seperti mana yang dapat dilihat dalam catatan Dato’ Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munsyi sewaktu mengadakan lawatan kerja ke Wilayah Padang, Muar pada April 1871. Selaku pihak yang bertanggungjawab menguruskan portfolio ekonomi Johor pada ketika itu, Dato’ Muhammad Ibrahim Munsyi bersama Wakil Mutlak Maharaja Johor iaitu Ungku Abdul Rahman memanfaatkan lawatan kerja mereka ke daerah tersebut untuk menggubal *Undang-undang Hasil Pertimbangan Bijih Timah 1871* (Muhammad Ibrahim Munsyi, 1980). Proses penggubalan undang-undang tersebut dicatatkan secara terperinci oleh Dato’ Bentara Dalam catatannya:

“Sebermula, adapun halku, dari pun hari Khamis yang lalu iaitu 16 Muharam disebabkan membentuk dan mengatur undang-undang dan hukuman pekerjaan timah dalam Padang itu. Dengan fikiran dan mesyuarat, bersoal jawab di antara Yang Mulia Engku Abdul Rahman dan aku dan Encik Othman serta dua tiga orang yang berakal, maka, dan jadikanlah undang-undang itu... masing-masing bersusahlah hati memikirkan ... aku bacakan segala undang-undang itu dan berbagai-bagailah

dipertengkarkan-tengkarkan oleh mereka itu; yang mana tiada kena patut diperbetulkan semula hingga berkenanlah sekaliannya”

(Muhammad Ibrahim Munshi. 1980, p.22-23)

Selaku pihak yang bertanggungjawab menggubal undang-undang, pentadbir Melayu berusaha memastikan bahawa setiap undang-undang dan peraturan yang diperkenalkan tidak menjejaskan kegiatan ekonomi. Dalam hal ini, idea dan pandangan daripada pemain-pemain industri yang terlibat turut diambil kira oleh pentadbir Melayu. Sebagai contoh sewaktu merangka undang-undang untuk diguna pakai dalam kegiatan perlombongan, Dato’ Muhammad Ibrahim Munshi mengambil inisiatif untuk menterjemahkan rang undang-undang yang dirangkanya itu ke dalam bahasa Cina (Muhammad Ibrahim Munshi, 1980). Rang undang-undang tersebut kemudiannya diserahkan kepada pengusaha-pengusaha lombong untuk diteliti. Tidak cukup dengan itu, beliau sendiri turun padang bersemuka dengan pengusaha lombong bagi menerangkan perihal kandungan dan implikasi undang-undang yang dirangkanya itu.

Sesi penerangan tersebut turut dimanfaatkan oleh Dato’ Muhammad Ibrahim Munshi untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak yang terlibat bagi tujuan menambah baik undang-undang yang dirangka. Bagi memastikan pematuhan serta mengelakkan salah faham, satu salinan undang-undang yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina turut diberikan kepada setiap pengusaha lombong sebagai salinan. Mereka juga dikehendaki menurunkan tandatangan bagi mengesahkan bahawa mereka telah sedia maklum mengenai penguatkuasaan undang-undang tersebut (Muhammad Ibrahim Munshi. 1980). Undang-undang yang telah dikuatkuasakan akan dijadikan rujukan dalam menyelesaikan sebarang perkara berbangkit berkaitan aktiviti perlombongan.

Menguruskan Tanah Secara Cekap Dan Sistematik

Perkembangan sektor ekonomi komersial di negeri Johor pada abad ke-19 memerlukan sistem pemilikan tanah yang sistematik dan terjamin (Rahimah, 1997). Dalam konteks ini, para pentadbir Melayu Johor telah memainkan peranan penting dalam membangunkan sistem pemilikan tanah yang cekap dan berstruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi komersial di negeri itu. Tidak hanya merintis pemberian konsesi tanah secara sistematik, pentadbir Melayu diketuai oleh Ungku Abdul Rahman yang bertanggungjawab mengelola hal ehwal ekonomi Johor turut mengadaptasi sistem pemilikan tanah secara bergeran seperti yang diamalkan oleh pentadbiran British di Singapura. Inisiatif tersebut bukan sahaja memudahkan urusan pentadbiran tanah, malah pada masa yang sama meningkatkan keyakinan pelabur terhadap keselamatan dan legaliti pelaburan mereka di Johor (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930).

Dalam sektor gambir lada misalnya, pentadbir Melayu yang bertanggungjawab mengendalikan urusan pemberian konsesi tanah bertindak mengadaptasi sistem pemilikan tanah bergeran seperti yang diamalkan di Singapura menerusi pengeluaran “*Surat Sungai*”. Menerusi pendekatan ini, butiran pemilikan tanah seperti lokasi, keluasan dan garis sempadan dicatatkan dalam “*Surat Sungai*”. Hal ini secara tidak langsung memudahkan pentadbir Melayu menyelaraskan lot-lot tanah yang diberikan kepada pekebun gambir sekali gus

mengelakkan masalah pertindihan konsesi dan sempadan. Pada masa yang sama, butiran bukti pemilikan terhadap sesebuah lot tanah turut didokumentasikan oleh pihak kerajaan sebagai rujukan. Dalam erti kata lain, “*Surat Sungai*” sebenarnya merupakan dokumen rujukan rasmi dalam menyelesaikan pertikaian yang akan dirujuk oleh pentadbir Melayu sekiranya timbul masalah pertindihan sempadan.

Bagi memastikan sistem pemilikan tanah secara bergeran dijalankan secara holistik, Ungku Abdul Rahman dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri yang dipengerusikan oleh beliau sendiri, kemudiannya bertindakewartakan *Undang-undang Memasukkan Nama ke Dalam Daftar* pada Oktober 1865, diikuti dengan *Undang-undang Pengukuhan Undang-undang Memasukkan Nama dalam Daftar* pada Mac 1866 (Kasim Thukiman, 2005). Menerusi pengenalan undang-undang ini, segala urusan berkaitan tanah dalam sektor penanaman industri gambir lada perlu dijalankan secara hitam-putih. Setiap pihak yang terlibat dalam industri penanaman gambir lada diwajibkan mendaftar sebarang bentuk pemilikan mereka di Balai Polis Tanjung Puteri untuk direkodkan oleh pihak kerajaan.

Sebarang bentuk pemilikan dan transaksi berkaitan dengan aktiviti penanaman gambir lada perlu didaftar dan didokumentasikan. Hal ini termasuklah transaksi jual-beli atau pemilikan syer *kongsi*, pajakan atau gadaian serta hutang berkaitan kegiatan penanaman gambir lada. Tidak terkecuali ialah golongan pemodal yang memberi hutang kepada pekebun mahupun pemodal yang memajak atau membeli syer mana-mana bahagian dalam sungai. Dalam hal ini, mereka perlu mendaftarkan penglibatan atau urusaniaga mereka tersebut dengan mengemukakan dokumen perjanjian yang mereka meterai untuk direkodkan dan disahkan. Hal ini membolehkan setiap pihak yang terlibat, sama ada golongan pemodal mahupun pekebun gambir untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya hak mereka dinafikan.

Dalam hal ini, *Tuan Sungai* selaku pemegang utama konsesi tanah dikehendaki untuk mendaftar semula status pemilikan tanah mereka di Balai Polis Tanjung Puteri untuk tujuan dokumentasi dan pengeluaran geran. Menerusi pengenalan dan penguatkuasaan *Undang-undang Memasukkan Nama ke Dalam Daftar 1865* dan *Undang-undang Pengukuhan Undang-undang Memasukkan Nama Dalam Daftar 1866*, sistem pemilikan tanah bergeran yang boleh dipindah milik dan dicagarkan mula diwujudkan di negeri Johor. Selaras dengan itu, setiap transaksi pindah milik, pajakan dan gadaian, jual beli syer *kongsi* serta permodalan perlu didokumentasikan secara sistematik. *Undang-undang Memasukkan Nama ke Dalam Daftar 1865* menggariskan bahawa:

“Barang siapa yang hendak berjual tanah atau kebun gambir lada yang ada dalam tanah Johor yang telah diberi geran dan daripada bahagian yang lain di dalam satu geran atau menukar nama atau hendak menggadai atau menjadikan dia cagar dalam hal hutangnya atau dari kerana sebarang apa-apa perjanjiannya, hendaklah kedua-dua mereka datang memasukkan nama ke dalam opis di Johor Bahru”

(J/PU: *Undang-undang Memasukkan Nama ke Dalam Daftar 1865*).

Sistem pengurusan tanah yang sistematik ini secara tidak langsung membantu memudahkan para pentadbir Melayu dalam menyelesaikan sebarang masalah berbangkit dan pertikaian yang dihadapi oleh pemain-pemain industri dalam sektor tanaman gambir lada di negeri itu. Sekiranya berlaku pertikaian sempadan, hal tersebut dapat diselesaikan menerusi saluran

perundangan. Pihak yang terlibat hanya perlu merujuk ke Balai Polis Tanjung Puteri yang bertanggungjawab menguruskan pendokumentasian dokumen berkaitan gambir lada. Di sana, pentadbir Melayu yang bertugas akan membuka kertas siasatan dan menyemak semula rekod pendaftaran untuk mencari jalan penyelesaian (Muhammad Haji Alias, 1928). Hal ini secara tidak langsung meminimumkan kebarangkalian berlakunya pertelingkahan dan perebutan kawasan penanaman gambir lada yang berpotensi mencetuskan pergaduhan kongsi gelap seperti mana yang berlaku dilombong-lombong yang diusahakan imigran Cina di negeri-negeri Melayu yang lain.

Pendekatan yang sama turut diimplementasikan dalam sektor perlombongan di negeri Johor. Berdasarkan catatan Dato' Muhammad Ibrahim Munshi dalam *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, konsesi-konsesi perlombongan di Padang, Muar tidak hanya didokumentasikan. Sebaliknya, setiap konsesi tanah yang diberikan akan diukur dan ditetapkan garis sempadannya (Muhammad Ibrahim Munshi, 1980). Butiran tersebut dimuatkan dalam dokumen perjanjian yang ditandatangani oleh pengusaha lombong selaku pemegang konsesi dan kerajaan Johor. Sekiranya timbul masalah persempadanan, pihak yang terlibat hanya perlu merujuk kepada pihak berkuasa. Beberapa klausa peraturan yang perlu dipatuhi turut dimasukkan dalam terma perjanjian konsesi. Dalam hal ini, pentadbir Melayu akan turun tangan sebagai orang tengah untuk menyelesaikan sebarang konflik dan pertikaian yang berlaku dalam kalangan pengusaha lombong dengan merujuk kepada dokumen perjanjian. Sekiranya tidak berpuas hati dengan penyelesaian yang dikemukakan oleh pentadbir Melayu, pihak yang terlibat boleh mengambil tindakan undang-undang dengan mengemukakan tuntutan di pengadilan.

Langkah pentadbir Melayu Johor memperkenalkan sistem pemilikan tanah bergeran yang sistematik bukan sahaja memberikan nilai komersial pada tanah-tanah di negeri Johor (Rahman Tang Abdullah & Abd Hamid, 2018). Tetapi pada masa yang sama turut memberi keyakinan kepada golongan saudagar Cina dari Melaka dan Singapura untuk menanam modal dalam industri pertanian komersial dan perlombongan di negeri itu. Hal ini seterusnya membantu merancakkan lagi perkembangan sektor ekonomi Johor.

Menyelaras Pelaksanaan Dan Mengawal Selia Kerja Lapangan Sektor Ekonomi Johor

Seperti yang telah dinyatakan pada awal perbincangan, peranan dan penglibatan golongan pentadbir Melayu dalam sektor ekonomi komersial lebih tertumpu kepada aspek penyelarasan dan kawal selia kerja lapangan. Selaras dengan pengenalan sistem pemilikan tanah bergeran, kerajaan Johor pada tahun 1868 telah menghantar dua orang pentadbir Melayu untuk mendapat latihan teknikal dalam bidang ukur tanah. Kedua orang pentadbir Melayu ini ditempatkan di bawah seliaan Tuan Lake dan Tuan McCallum yang menjalankan kerja-kerja ukur tanah di Singapura. Setelah menguasai ilmu ukur tanah, dua orang pentadbir Melayu tersebut ialah Dato' Yahya Awalludin dan Dato' Bentara Luar Mohammad Salleh bin Perang ditugaskan mengendali kerja-kerja ukur tanah di negeri itu bagi melicinkan gerak kerja lapangan sama ada dalam sektor pertanian komersial mahupun perlombongan (Ahmad Fawzi Basri, 1988). Dalam hal ini, Dato' Yahya Awalludin dilantik sebagai Yang Dipertua Jabatan Kerja Raya manakala Dato' Bentara Luar Mohammad Salleh bin Perang, selain menjawat jawatan Pesuruhjaya Polis Johor turut dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Jabatan Tanaman dan Ukur (SSD, 1873).

Kedua-dua pentadbir Melayu inilah yang merupakan tulang belakang disebalik kejayaan Johor dalam aspek pengurusan tanah yang cekap dan efisien. Salah seorang daripada pentadbir Melayu ini iaitu Dato' Bentara Luar Mohammad Salleh bin Perang bertindak memanfaatkan latihan dan pengalaman dalam bidang perkeranian yang diperolehinya sewaktu berkhidmat di Pejabat Menteri Besar untuk menguruskan urusan pendaftaran hak milik tanah, pendokumentasian serta mengeluarkan geran ladang-ladang gambir lada seperti mana yang termaktub dalam *Undang-undang Memasukan Nama Ke dalam Daftar 1865* secara formal dan sistematik. Inisiatif tersebut secara tidak langsung melicinkan urusan pendaftaran hak milik tanah seterusnya menjayakan sistem pemilikan tanah bergeran yang digagaskan oleh Ungku Abdul Rahman pada tahun 1860-an.

Bahkan dalam rangka untuk menambah baik tadbir urus hal ehwal persempadanan ladang-ladang gambir lada, Dato' Muhammad Salleh bin Perang telah mengambil pendekatan untuk mengukur tanah-tanah konsesi yang dikurniakan oleh kerajaan kepada *Tuan Sungai* dan pemegang konsesi bagi tujuan pendokumentasian dan penetapan sempadan (Muhammad Haji Alias, 1928). Jika sebelum ini, *Tuan Sungai* boleh terus menjalankan kerja-kerja pembersihan tanah untuk memulakan kegiatan penanaman gambir lada sebaik sahaja memperoleh *Surat Sungai*, namun dibawah pentadbiran Dato' Muhammad Salleh bin Perang selaku Yang Dipertua Jabatan Tanaman dan Ukur, tanah-tanah yang dikurniakan oleh kerajaan untuk tujuan penanaman gambir lada perlu diukur dan ditentukan garis sempadannya terlebih dahulu sebelum dipugar. Langkah ini bertujuan mengelakkan sebarang konflik akibat pertikaian sempadan yang berpotensi mencetuskan kekacauan seterusnya merencatkan kegiatan ekonomi Johor.

Sewaktu era kegemilangan industri gambir lada di negeri Johor antara tahun 1860-an hingga 1880-an yang menyaksikan banyak tanah-tanah khususnya di pesisir sungai dibuka untuk dijadikan kebun gambir-lada. Dato' Muhammad Salleh bin Peranglah yang bertungkus-lumus menjalankan kerja-kerja ukur tanah bagi memastikan tanah-tanah subur di negeri Johor dimanfaatkan secara optimum dalam kegiatan pertanian komersial. Hal ini seperti mana yang dinukilkan olehnya mengenai bidang tugas sebagai Pesuruhjaya Polis Johor dan Yang Dipertua Jabatan Tanaman dan Ukur di dalam biografinya:

“Maka waktu inilah yang saya merasai sangat penat kerana bukannya Pesuruhjaya Polis itu sahaja yang diperkerjakan, melainkan segala geran kebun-kebun gambir lada serta surat pajak dan segala jual beli dan hutang-piutang dalam perkara kebun gambir lada itu semuanya di dalam jawatan saya demikian juga ukur mengukur dan menetapkan sempadan mereka itu atau sebarang perselisihan dalam perkara hutannya semuanya dalam pekerjaan saya”

(Muhammad Haji Alias, 1928. p. 83)

Menyorot kembali penglibatan dan peranannya dalam industri gambir dan lada, Dato' Muhammad Salleh bin Perang yang sebelum ini berkhidmat sebagai Jurutulis di Pejabat Sultan Abu Bakar yang telah dipindah-tugas ke Balai Polis Tanjung Puteri pada 3 Oktober 1858. Di Tanjung Puteri, bidang tugasnya pada ketika itu bukan sahaja perlu “... *menulis sebarang surat kiriman atau jawab menjawab surat kerajaan di Teluk Belanga*” (Muhammad Haji Alias, 1928. P.14). Sebaliknya beliau turut dipertanggungjawabkan untuk mengurus “... *segala pekerjaan yang terkandung di mahkamah dan polis*” (Muhammad Haji Alias, 1928. P.14).

Selaku kaki tangan kerajaan yang ditugaskan mengendalikan urusan pentadbiran polis dan mahkamah, deskripsi tugasnya turut memerlukan beliau “... *menulis segala pengaduan dan menulis segala orang yang kena dakwa di hadapan mahkamah di tempat bicara*” yang majoritinya terdiri daripada golongan imigran Cina.

Memandangkan skop tugas yang memerlukan beliau berinteraksi dengan etnik Cina secara kerap, Dato’ Muhammad Salleh bin Perang mengambil inisiatif untuk mempelajari bahasa Cina bagi melicinkan prosedur kehakiman yang dikendalikannya (Muhammad Haji Alias, 1928). Selama hampir dua tahun mempelajari bahasa Cina, beliau akhirnya berjaya menguasai bahasa tersebut. Hal ini seperti mana yang dicatatkan dalam diari hariannya:

“Maka pada tatkala itu dengan sebab segala perkara yang terlebih banyak masuk ke dalam mahkamah itu ialah orang Cina kerana waktu itu dekat dua puluh sungai yang telah terbuka oleh Cina yang berladang gambir lada itu di dalam Johor jadi keraplah terbawa segala tutur kira-kira Cina itu ke dalam mahkamah Johor itu bila ada yang berkenaan berdakwa dalam perkara wang ... maka dalam tahun 1861 ... saya panggil seorang Sing-sing Cina yang bernama Chia Ah Sing mengajar saya akan surat Cina”
(Muhammad Haji Alias, 1928. P.79-80).

Langkah menguasai bahasa Cina bukan sahaja membantu mengembangkan kerjayanya malah turut melicinkan urusan beliau dalam menyelaras dan mengawal selia aktiviti pertanian komersial di negeri Johor. Penguasaan bahasa Cina khususnya dalam dialek *Teochew* memudahkan Dato’ Muhammad Salleh bin Perang menjalankan siasatan serta boleh bersoal jawab dengan *Kangchu-kangchu* atau buruh Cina untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Di samping itu, beliau juga tidak perlu bergantung kepada khidmat jurubahasa Cina dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran seperti memeriksa rekod kira-kira *Kangchu*.

Selain mempelajari bahasa Cina, Dato’ Mohammad Salleh bin Perang turut mengambil inisiatif mempelajari dan menyelami kebudayaan masyarakat Cina yang menetap di negeri Johor. Oleh yang demikian, tidak hairanlah beliau memiliki kemahiran bermain alat muzik tradisional Cina serta mahir menulis kaligrafi Cina. Kemahiran tersebut memberikan nilai tambah kepada dirinya, yang dimanfaatkannya untuk menjalin hubungan erat dengan golongan saudagar Cina baik di Johor mahupun Singapura. Hal ini diakui sendiri oleh Dato’ Mohammad Salleh bin Perang dalam autobiografinya bahawa:

“Maka oleh pelajaran yang demikian ini sehingga terkayalah saya daripada mendapat banyak sahabat dan kenalan-kenalan kepada bangsa Cina itu... maka bukannya pula saya hendak bermegah atas yang demikian tidak sekali tetapi oleh sebab ilmu pengetahuan yang demikian ada beruntung pada saya pada bagi muslihat kerajaan dan negeri dengan sebab percampuran dengan mereka itu sehingga beberapa rahsia yang tersembunyi dapat diketahui oleh saya”

(Muhammad Haji Alias, 1928. P.82).

Jaringan persahabatan yang terjalin antara Dato’ Mohammad Salleh bin Perang dengan golongan saudagar Cina memudahkan beliau untuk memperoleh kerjasama dan bantuan dalam menjalankan tugas sebagai Pesuruhjaya Polis Johor (Muhammad Haji Alias, 1928). Selain memudahkan beliau memperoleh maklumat risikan untuk menyelesaikan kes-kes jenayah,

jaringan tersebut turut mendorong ketua-ketua *Kongsi* di negeri Johor untuk merujuk kepadanya terlebih dahulu sekiranya mengalami permasalahan. Situasi ini secara tidak langsung memudahkan Dato' Muhammad Salleh bin Perang untuk menyelesaikan sebarang masalah atau konflik yang timbul. Oleh itu, tidak menghairankan Sultan Abu Bakar pada 9 Disember 1868 berkenan melantik beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya Polis Johor (Ahmad Fawzi Basri, 1972).

Merintis Kegiatan Ekonomi Komersial

Dalam konteks perkembangan ekonomi Johor, sumbangan terbesar pentadbir Melayu adalah mentransformasi landskap geografi Johor daripada hutan belantara kepada wilayah yang rancak dengan aktiviti ekonomi. Tindakan tersebut dilaksanakan menerusi penerokaan kawasan hutan bagi tujuan aktiviti ekonomi komersial seperti pertanian dan perlombongan. Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan negeri, beberapa kawasan penempatan baharu dibuka untuk meningkatkan jumlah penduduk dan menarik pelabur asing untuk menjalankan kegiatan ekonomi komersial.

Contohnya, Ungku Abdul Rahman telah merintis pembukaan kawasan penempatan baharu di Tanjung Kupang bagi menjalankan kegiatan pertanian komersial (Muhammad Ibrahim Munshi, 1980). Mengikut perancangan awal, Wakil Mutlak Maharaja itu bercadang hendak menjadikan Tanjung Kupang sebagai hab-pengeluaran beras Johor. Buruh-buruh Jawa yang dibawa masuk untuk membuka kawasan penempatan dan mengusahakan tanaman padi di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, ancaman haiwan perosak seperti tikus dan burung memaksa Ungku Abdul Rahman beralih kepada sektor penanaman kelapa secara komersial (Muhammad Ibrahim Munshi, 1980).

Selain Tanjung Kupang, Ungku Abdul Rahman turut merintis kegiatan pertanian komersial di Muar dan Batu Pahat. Sama seperti pendekatan yang dijalankan olehnya sebelum ini, pentadbir Melayu Johor itu menggalakkan kemasukan imigran dari Indonesia untuk menetap dan mengusahakan kegiatan ekonomi komersial di kawasan tersebut. Dalam hal ini, beliau dibantu oleh golongan Orang Kaya dan Penghulu di daerah-daerah tersebut untuk membawa masuk imigran dari kepulauan Indonesia (Daud bin Sulaiman, 1955). Bagi menyokong inisiatif ini, Ungku Abdul Rahman turut menyediakan bantuan kewangan kepada para pemimpin tempatan bagi menampung kos kemasukan imigran dari Indonesia ke Johor (J/SUK 13 Surat No. 28). Langkah ini bukan sahaja mempercepatkan proses pembukaan penempatan baharu, malah turut merangsang perkembangan sektor pertanian komersial di kawasan berkenaan.

Di bawah pengawasan Orang Kaya dan Penghulu yang membawa masuk mereka, buruh Jawa, Banjar, dan Bugis telah digembleng secara gotong-royong untuk memugar hutan dan mengusahakan tanaman komersial seperti pinang dan kelapa (Daud bin Sulaiman, 1955). Bagi mendiversifikasi hasil pertanian di daerah Muar dan Batu Pahat, penduduk setempat termasuk buruh-buruh ini turut digalakkan menanam tanaman sampingan yang mempunyai nilai komersial seperti tebu, pisang, ubi, dan keladi. Dalam hal ini, mereka dibenarkan meneroka hutan dan membuka tanah untuk diusahakan sebagai dusun buah-buahan atau tanaman komersial (Jaafar bin Mohd Taib, 1938).

Menerusi pendekatan ini, beberapa buah kawasan penempatan baharu yang rancak dengan kegiatan ekonomi telah dibuka di Muar seperti di sekitar Parit Jawa, Parit Bakar, Parit Sakai dan Parit Jamil. Menerusi galakan Ungku Abdul Rahman dan Pesuruhjaya Kerajaan Muar iaitu Ungku Sulaiman bin Ungku Daud, imigran dari luar Johor giat meneroka dan memugar hutan belantara di kawasan tersebut untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian. Memandangkan struktur tanah di kawasan tersebut yang gersang serta kesukaran mendapatkan bekalan air bersih, Pesuruhjaya Kerajaan Muar telah mengarahkan orang-orang Jawa membuka kawasan tersebut supaya menggali parit di sepanjang kawasan yang mereka terokai bagi tujuan pengairan dan saliran. (Aziz bin Anuar, et.al., 1982). Sebagai inisiatif untuk menggalakkan aktiviti pertanian komersial di kawasan tersebut, Ungku Abdul Rahman bertindak membekalkan benih-benih tanaman komersial kepada penduduk setempat yang ingin mengusahakan tanaman tersebut (Jaafar bin Mohd Taib, 1938). Pada masa yang sama, pihak Pesuruhjaya Kerajaan turut mengambil inisiatif menjalankan kerja-kerja mengumpul lebihan hasil pertanian penduduk setempat untuk dieksport ke Melaka dan Singapura.

Pendekatan Ungku Abdul Rahman dalam merintis kegiatan penanaman komersial dalam rangka untuk memajukan ekonomi negeri kemudiannya diguna pakai oleh Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh bin Perang sewaktu berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Kerajaan Muar dan Batu Pahat. Dalam rangka merencanakan kegiatan ekonomi di kawasan pentadbirannya, Dato' telah bertindak memberikan kebenaran kepada sekumpulan imigran Cina untuk menetap dan mengusahakan kebun-kebun ubi di kawasan Chohong yang terletak bersempadan dengan Melaka (SSDM, 25 Mei 1888). Tindakan Dato' Muhammad Salleh bin Perang merintis kegiatan penanaman ubi di Chohong, Muar telah memberikan impak positif kepada pertumbuhan ekonomi Johor. Chohong bukan sahaja muncul sebagai antara kawasan penanaman ubi utama di Muar bahkan kejayaan projek kebun ubi tersebut telah menarik minat saudagar-saudagar Cina dari Melaka khususnya untuk turut serta membuka ladang ubi di kawasan tersebut.

Di Batu Pahat pula, sewaktu menjawat jawatan Pesuruhjaya Kerajaan, Dato' Muhammad Salleh bin Perang bertindak merintis kegiatan penanaman getah di daerah tersebut. Beliau memanfaatkan lawatan kerjanya di Jepun pada tahun 1896 untuk membawa masuk pelabur dari negara matahari terbit itu untuk mengusahakan tanaman getah di Batu Pahat. Dalam hal ini, beliau menggunakan autoritinya sebagai Pesuruhjaya Kerajaan Muar dan Batu Pahat untuk memberikan konsesi pajakan tanah kepada sebuah syarikat Jepun untuk mengusahakan tanaman getah (Muhammad Haji Alias, 1928). Mengulas mengenai tindakannya memberi konsesi tanah kepada syarikat Jepun tersebut, Dato' Muhammad Salleh bin Perang menjelaskan bahawa langkah tersebut bertujuan memanfaatkan kepakaran dan teknologi yang dimiliki oleh syarikat tersebut untuk menebus guna kawasan paya bakau di daerah tersebut. Hal ini kerana tanah yang diberikan kepada syarikat Jepun tersebut asalnya adalah kawasan paya bakau. (Muhammad Haji Alias, 1928). Menurut Dato' Muhammad Salleh bin Perang lagi, tindakannya itu bukan sahaja mengoptimumkan penggunaan tanah di Batu Pahat malahan turut menyumbang kepada pendapatan negeri menerusi kutipan cukai dan bayaran konsesi tanah.

Sementara itu dalam sektor perlombongan pula, Ungku Abdul Rahman bertindak merintis kegiatan perlombongan emas dengan memulakan projek cari gali emas di Padang, Muar (J/SUK 3 S.61). Dalam hal ini, Wakil Mutlak Maharaja itu telah menganugerahkan lesen cari gali emas kepada saudagar Cina dari Melaka, iaitu Eng Tie Tang dan Hoo Ah Kay. Bagi

menjayakan projek perlombongan emas tersebut, Ungku Abdul Rahman turut memberi suntikan modal dalam bentuk pinjaman wang kepada Eng Tie Tang. Bahkan bagi memastikan kegiatan perlombongan emas yang dirintisnya berjalan lancar, Ungku Abdul sendiri turun padang ke Muar untuk menyelesaikan kemelut perebutan sumber air yang melibatkan pengusaha lombong bijih timah dan pelombong emas di kawasan tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, meskipun tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi, namun pentadbir Melayu tetap mempunyai peranan dan sumbangan signifikan terhadap perkembangan dan kemajuan ekonomi negeri. Hal ini dapat dilihat khususnya dalam sektor pertanian komersial dan perlombongan yang merupakan nadi ekonomi negeri. Dalam konteks ekonomi Johor, pentadbir Melayu merupakan watak utama di sebalik kemajuan dan kepesatan sektor ekonomi negeri itu sebelum campur tangan British pada tahun 1914. Keupayaan mereka mengurus perjalanan hal ehwal ekonomi secara sistematik dan efisien membolehkan segala aktiviti ekonomi berjalan lancar. Situasi ini secara tidak langsung menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan aktiviti ekonomi sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negeri Johor sehingga muncul sebagai sebuah negeri Melayu moden pada kurun ke-20. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pentadbir Melayu memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi Johor antara tahun 1862 hingga 1914. Peranan mereka tidak sekadar bertugas dalam pentadbiran biasa, tetapi turut terlibat dalam merancang dasar, menyusun sistem pemilikan tanah, mengurus hasil negeri dan mengatur hubungan ekonomi luar. Tugas mereka sebagai pemudah cara antara negeri dan pelabur asing turut menyumbang kepada kemajuan Johor sebelum campur tangan langsung British. Justeru, kajian ini membetulkan tanggapan bahawa pembangunan ekonomi Johor semata-mata didorong oleh pelabur asing, sekaligus mengiktiraf sumbangan sebenar pentadbiran tempatan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Arkib Negera Malaysia Cawangan Johor atas bantuan dan sokongan yang diberikan sewaktu proses pengumpulan data kajian.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- A. Rahman Tang Abdullah & Fazli Abd Hamid. (2018). Peasant economy in Malaysia: The advent of capitalism and the expansion of money economy into agriculture in colonial Malaya. *Paramita: Historical Studies Journal*, 28(1).
- A. Rahman Tang Abdullah. (2011). Sultan Abu Bakar's Foreign Guests and Travels Abroad, 1860s–1895: Fact and Fiction in Early Malay Historical Accounts. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, JMBRAS 84(1).
- A. Rahman Tang Abdullah. (2012) Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries. *Jurnal Sejarah*. Vol.20.
- A. Rahman Tang Abdullah. (2007). *Interpreting Abu Bakar, The Ruler of Johor (1862–1895): The Reconstruction of Selected Issues* [Tesis Sarjana, University of London].
- Ahmad Fawzi Basri, & Hasrom Haron (Eds.). (1978). *Sejarah Johor Modern 1855–1940: Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Semenanjung Malaysia.
- Ahmad Fawzi Basri. (1984). *Sistem Kangchu dalam Sejarah Johor, 1844–1917*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ahmad Fawzi Basri. (1988). *Johor 1855–1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Aziz bin Anuar, et.al (1982). Sejarah Awal Kampung Parit Jawa. Dalam, Khoo Khay Kim (Ed.), *Esei-esei Sejarah Malaysia: Peraduan Mengarang Esei 1980–1981*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Candilio, A., & Bressan, L. (2000). Sultan Abu Bakar of Johore's Visit to the Italian King and the Pope in 1885. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 73(1), 278.
- Coope, A. E. (1936). The Kangchu system in Johore. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 14(3), 126.
- Daud bin Sulaiman. (Ed.). (1955). *Ringkasan Tawarikh Orang-orang Kaya dan Penghulu Batu Pahat*. Muar: Mohamediah Press Parit Jawa.
- Haryati Hassan, et. al., (2023). “Kerajaan Johor: Evolusi dan Transformasi”. *International Journal of Social Science Research*. 5(1)
- Ichiro, Sugimoto. (2011). *Pentadbir Kewangan Kolonial Johor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Jaafar bin Mohd Taib (1938). *Ringkasan Tawarikh Allahyarham Hj Mohd Taib Bin Hj Othman Penghulu Kg Parit Jamil Muar*. Muar: Jamilah Press.
- Jackson, J. C. (1965). Chinese Agricultural Pioneering in Singapore and Johore 1800–1917. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society JMBRAS*, 38(1), 207.
- Johor State Government. (1965). *Undang-undang Memasukkan Nama ke Dalam Daftar 1865* [Manuskrip tidak diterbitkan]. Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor (ANMCNJ), Johor Bahru.
- Johor State Government. (1873). *Undang-undang Kangchu Tahun 1873* [Manuskrip tidak diterbitkan]. Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor (ANMCNJ), Johor Bahru.
- Khoo Khay Kim. (2001). *Malay Society Transformation and Demarcations: A Stimulating and Discerning Study on the Evolution of Malay Society*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Khoo Khay Kim. (1967). Johor in 19th Century: A Brief Survey. *Journal of Historical Society*, 6.
- Lim, P. H. (2001). *Continuity and Connectedness: The Ngee Heng Kongs of Johor, 1844–1916*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Logan, J. R. (1848). Range of the Gutta Taban Collectors and Present Amount of Import into Singapore. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 2.
- Muhammad Haji Alias (Ed.). (1928). *Tarikh Dato' Bentara Luar*. Johor Bahru: Percetakan Al-Attas.
- Muhammad Ibrahim Munsyi. (1980). *Kisah pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* (M. Fadzil Othman, Pngn., anotasi). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Said bin Sulaiman. (1930). *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Singapore: Pejabat Cetak Malaya House Publishing House Limited.
- Muhammad Said Sulaiman. (1951). *Hikayat Johor (yang kedua): Tawarikh Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim dari permulaan hingga kedatangan Jepun*. Johor: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, (t.t) *Sungai Keterangan Membuka Kebun (SKMK)* [Dokumen pentadbiran tidak diterbitkan]. Arkib Negera Cawangan Johor.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. (1884, April 10). *Surat No. 28: Hutang Haji Abdul Wahab Penghulu Padang kepada Kerajaan Kerana Menempatkan 39 orang Jawa di Tanjung Kupang dan Kuala Sungai Raya* [Surat rasmi]. J/SUK 13, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor (ANMCNJ), Johor Bahru.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. (1888, Mei 25). *Surat Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh bin Perang kepada Dato' Abdul Rahman Andak, Setiausaha Kerajaan Johor* [Surat rasmi]. Dalam *Salinan Surat-surat Dato' Menteri (SSDM)*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor (ANMCNJ), Johor Bahru.
- Pwee, T. (2007). Tapping History. *BiblioAsia*, 3.
- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan pemerintahan Johor (1800–1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singapore Daily Times*. (1874, Mei 13).
- Singapore Free Press*. (1846, Mac 26).
- Straits Times Overland Journal*, (1881, 12 November).
- Skinner, A. M. (1884). *Geography of the Malay Peninsula and Surrounding Countries, Part I (Malay Peninsula and Borneo)*. Singapore: t.t.
- Trocki, C. A. (1979). *The Prince of Pirates: The Temenggongs and Development of Johore and Singapore, 1784–1885*. Singapore: Singapore University Press.

- Turnbull, C. M. (1959). The Johore Gambier and Pepper Trade. *Journal of South Seas Societies*, 15(1).
- Wake, C. H. (1966). *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition* [Tesis PhD]. Australian National University.
- Winstedt, R. O. (1979). *A History of Johor 1365–1941*. Kuala Lumpur: JMBRAS.
- Wright, A., & Cartwright, H. A. (1908). *Twentieth Century Impressions of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries, and Resources*. London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company